

12 SEP 2002

Abdullah-Dasar/I

MALAYSIA BUKAN PAK TURUT KEPADA MANA-MANA KUASA BESAR -- ABDULLAH

LOS ANGELES, 12 Sept (Bernama) -- Malaysia terus mengamalkan dasar luar yang berprinsip dan tidak menjadi "pak turut" kepada mana-mana kuasa besar, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Apabila Iraq menyerang Kuwait, Malaysia menyokong campur tangan ketenteraan untuk membebaskan Kuwait tetapi apabila Amerika Syarikat meneruskan serangan udaranya terhadap Iraq, kita menentang tindakan ini.

"Demikian juga, kita telah bekerjasama dalam usaha yang diketuai Amerika Syarikat untuk menghapuskan keganasan global tetapi kita akan menentang sebarang tindakan ketenteraan secara unilateral terhadap Iraq terutamanya apabila tidak ada bukti jelas yang dikemukakan kepada masyarakat antarabangsa mengenai ancaman yang didatangkan oleh Iraq.

"Ini menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai dasar luar yang berprinsip, dan kita tidak akan menyokong mana-mana pihak secara membuta-tuli sahaja. Kita akan memberi sokongan kita apabila kita percaya bahawa tindakan itu betul dan selaras dengan norma undang-undang antarabangsa," katanya.

Isu Iraq mestilah dibincangkan di Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mendapatkan persetujuan masyarakat antarabangsa tentang bagaimana perkara itu harus ditangani seterusnya, kata beliau pada satu pertemuan dengan kira-kira 150 penuntut dan masyarakat Malaysia yang berada di sini pada hari Selasa lepas.

Abdullah juga berkata rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara hendaklah terus menjadi warga negara yang setia yang menjaga kepentingan negara di seberang laut sama ada melalui perniagaan atau sebagai ahli profesional.

Beliau memberitahu penuntut itu supaya menggunakan sepenuhnya peluang belajar yang diberikan kepada mereka oleh kerajaan untuk membolehkan mereka memberi sumbangan kepada kemajuan negara.

Ketika ditanya mengenai rancangannya apabila mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Oktober tahun depan, Abdullah berkata: "Saya akan meneruskan dasar untuk mencapai Wawasan 2020 kerana ia adalah wawasan bersama semua rakyat Malaysia seperti yang dijelaskan oleh (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad)."

Pada satu majlis terdahulu yang dianjurkan oleh Asia Society di sini, Abdullah berkata kesinambungan tetap akan wujud daripada segi dasar apabila berlaku perubahan kepimpinan di Malaysia nanti.

"Kerajaan akan terus bersikap mesra perniagaan, dan Malaysia akan terus menjadi negara perdagangan terbuka yang komited kepada pentadbiran demokratik," kata beliau.

Antara perkara lain yang dibincangkan oleh Timbalan Perdana Menteri dengan Asia Society yang merangkumi ahli akademik dan pemimpin sektor perniagaan itu ialah hubungan dua hala US-Malaysia dan isu serantau.

Abdullah berada di Los Angeles dalam perjalanan ke New York untuk menyampaikan pernyataan Malaysia pada perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada hari Sabtu ini.

-- BERNAMA

AZZ AZZ RM NMO